

GARIS PANDUAN LAYANAN CUKAI KE ATAS TRANSAKSI MATA WANG DIGITAL

Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

22 September 2022

Kandungan Taklimat



01

Pengenalan

02

**Layanan Cukai ke atas
Transaksi Mata Wang Digital**

03

**Cara Perekodan Mata
Wang Digital**

04

Soal Jawab



Pengenalan

Tafsiran – Mata Wang Digital

- repretasi nilai yang direkodkan di atas satu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya, yang berfungsi sebagai suatu perantara pertukaran dan boleh ditukar dengan apa-apa wang termasuk melalui pengkreditan atau pendebitan sesuatu akaun.

Tafsiran – Token Digital

- Sesuatu representasi yang direkodkan di atas suatu lejar digital teragih sama ada bersekuriti kriptografi atau selainnya.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia




Contoh Mata Wang Digital



Bitcoin



Ethereum




Ripple



Zcash



Litecoin



Iota



Neo



Monero



Dash



Ciri-Ciri Mata Wang Digital

- Teknologi 'Blockchain'
- Desentralisasi
- 24 jam/7 hari /365 hari

Platform Mata Wang Digital

Berikut merupakan platform berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi transaksi mata wang digital di Malaysia :

- Luno
- Tokenize
- Sinegy Dax
- MX Global

Sumber: Senarai Bursa Aset Digital Berdaftar oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Layanan Cukai Ke Atas Transaksi Mata Wang Digital



Undang-Undang Percukaian & Sumber Rujukan

- Seksyen 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967)
- Seksyen 4 ACP 1967
- Seksyen 33 ACP 1967
- Seksyen 39 ACP 1967
- Garis Panduan Layanan Cukai ke atas Transaksi Mata Wang Digital — *diterbitkan pada 26 Ogos 2022*



Layanan Cukai – Konsep Utama

Pendapatan
Bersifat Hasil

VS

Pendapatan
Bersifat Modal

Perbelanjaan
Bersifat Hasil

VS

Perbelanjaan
Bersifat Modal

Layanan Cukai

- Perjanjian Pengelakan Percukaian Dua Kali (PPPDK) dengan negara rakan kongsi adalah terpakai.



- Garis Panduan ini terpakai kepada mana-mana orang yang memperoleh / melupuskan serta terlibat dalam perniagaan mata wang digital (perdagangan, perlombongan dan pertukaran mata wang digital).



Layanan Cukai – Petunjuk Perdagangan





Layanan Cukai

1. Perniagaan mata wang digital

- Beli dan jual mata wang digital dalam perjalanan biasa perniagaan
- Mata wang digital sebagai stok dagangan
- Keuntungan = dikenakan cukai
- Kerugian = dibenarkan potongan cukai

Layanan Cukai

Contoh 1:



Esbisee Sdn Bhd

Beli 100 Unit 

Jual 50 Unit 

Keuntungan daripada penjualan mata wang digital boleh dikenakan cukai.

Layanan Cukai

2. Perlombongan mata wang digital

- Perniagaan perlombongan
- Aktiviti perlombongan dengan motif mencari keuntungan
- Yuran perkhidmatan perlombongan
- Keuntungan = dikenakan cukai
- Kerugian = dibenarkan potongan cukai





Layanan Cukai

3. Menerima dan membayar untuk transaksi perniagaan dalam mata wang digital

- Rekod mata wang digital dalam Ringgit Malaysia (RM)
- Nilai mata wang pada titik urus niaga.


Layanan Cukai

Contoh 2:



Encik
Fayyadh

Beli tiket bola sepak guna



Event League
Company Sdn Bhd
(penganjur)



- Rekod transaksi mata wang sebagai jualan dalam RM



Layanan Cukai

4. Pembayaran gaji dan upah kepada pekerja dalam mata wang digital

- Majikan bayar gaji /upah pekerja dalam mata wang digital
- Pekerja perlu laporkan pendapatan yang diterima
- Tanggungjawab majikan di bawah Peraturan Potongan Cukai Berjadual (PCB)

Layanan Cukai

Contoh 3:



Encik Wong
(Pekerja)

Lapor
pendapatan
kepada LHDNM

Potongan



PCB



Remit

Capital Blockchain
Sdn Bhd.
(majikan)

Perbelanjaan
gaji boleh
dibenarkan
potongan cukai



Layanan Cukai

5. Pelaburan Mata Wang Digital

Pelaburan bersifat Hasil

- aktiviti berterusan
- sistematik
- aktif
- risiko kewangan
- bertujuan untuk mengaut keuntungan

Pelaburan bersifat Modal

- Tidak aktif
- Pembelian mata wang untuk jangka masa panjang
- Tiada pengenaan cukai ke atas keuntungan modal di Malaysia

Layanan Cukai

Contoh 4:

Pelaburan bersifat Modal

- Puan Siti membeli satu unit mata wang digital pada nilai RM15,000 untuk tujuan pelaburan.
- Selepas 3 tahun, beliau menjual semula dengan harga RM30,000
- Keuntungan modal - tidak tertakluk kepada cukai.



Pelaburan bersifat Hasil

- Encik Ali membeli mata wang digital pada nilai RM10,000 untuk tujuan pelaburan.
 - Secara aktifnya beliau mula membeli dan menjual mata wang digital tersebut dan menghasilkan__keuntungan. Beliau telah merekodkan transaksi tersebut secara teratur. Rekod berkaitan telah disimpan dengan sempurna.
- Keuntungan hasil – tertakluk kepada cukai.





Layanan Cukai

6. Pemerolehan semata-mata dan pelupusan mata wang digital

Hanya semata-mata sebagai sebahagian atau pembayaran penuh bagi mana-mana barangan dan perkhidmatan.

Layanan Cukai

Contoh 5:



Encik
Adam

Ingin hadir
persembahan di
Istana Budaya



Semata-mata beli mata wang
digital dan bayar kepada
penganjur untuk dapat
diskaun 20%



Layanan Cukai

7. Menerima mata wang digital hasil daripada agihan atau pecahan percuma

- alat promosi atau pemasaran atau pecahan mata wang digital sedia ada seperti 'airdrop' dan 'hardfork'.
- cukai tidak dikenakan pada masa penerimaan.
- jika diberikan sebagai pertukaran barangan atau perkhidmatan tertentu boleh dikenakan cukai.



Layanan Cukai

8. Pertukaran mata wang digital

- Tukar satu mata wang digital kepada mata wang digital yang lain.
- Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penukaran.
- Kebolehcukaian bergantung kepada ianya bersifat modal atau hasil.



Perekodan Mata Wang Digital

Cara Perekodan

1. Kos pemerolehan

- kos pemerolehan mata wang digital mesti ditentukan dalam Ringgit Malaysia (RM)
- ditentukan berdasarkan prinsip Masuk Dahulu, Keluar Dahulu (FIFO)
- nilai saksama



Cara Perekodan

Contoh:

- Prinsip Masuk Dahulu, Keluar Dahulu (FIFO)

Tarikh Belian	Jumlah Unit (Beli)	RM seunit	Jumlah (RM)
1/9/2020	500 Unit	10,000	5,000,000
1/10/2020	300 Unit	15,000	4,500,000
1/11/2020	700 Unit	5,000	3,500,000
Jumlah	1,500 Unit		13,000,000

FIFO (dengan anggapan tiada bukti lain unit yang dijual)
1/1/2021 - Jual 600 unit , Harga semasa RM20,000 seunit

Jualan	= (600 x RM20, 000)	= RM12,000,000
Tolak kos pemerolehan	= 500 Unit (1/9/2020) x RM10,000 + 100 Unit (1/10/2020) x RM15,000	= RM6,500,000
Untung		= RM5,500,000



Cara Perekodan

2. Mata wang digital tanpa nilai yang diterbitkan

- nilai saksama mata wang digital yang diterima adalah sama dengan nilai saksama harta atau perkhidmatan yang ditukar dengan mata wang digital apabila transaksi berlaku

Cara Perekodan

3. Penyimpanan rekod

Rekod yang perlu disimpan berkaitan dengan mata wang digital





Soal Jawab



SEKIAN, TERIMA KASIH

TARIKH KEMASKINI 22/09/2022



MALAYSIA

Together We Develop The Nation